



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 15/2020

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) SEBAGAI LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN *CORONAVIRUS DISEASES 2019* (COVID-19)

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Pelajar UMK sebagai langkah pencegahan penularan COVID-19. Pekeliling ini dibuat berdasarkan pengumuman khas YAB Perdana Menteri Malaysia pada 18 Mac 2020 dan juga arahan Kementerian Pengajian Tinggi.
2. Semua pelajar UMK yang **MASIH** berada di kampus (kolej kediaman, rumah sewa atau kediaman peribadi yang lain) perlu **KEKAL** berada di premis tersebut. Pelajar **TIDAK DIBENARKAN PULANG** ke kampung halaman/ negara asal masing-masing sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan. Pelajar hendaklah melapor diri kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang akan menguruskan penempatan dan hal ehwal yang berkaitan.
3. Urusan kebajikan pelajar yang berada di dalam kampus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini akan diuruskan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).
4. Semua warga UMK dipohon mengambil maklum mengenai pekeling ini serta sentiasa mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa berkaitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Kesihatan Universiti.
5. Semua warga UMK juga diminta untuk sentiasa mengambil cakna sebarang pemberitahuan oleh pihak universiti yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa melalui emel, portal serta media sosial rasmi universiti.
6. Sebarang pertanyaan sila hubungi BILIK GERAKAN COVID-19 UMK, Bahagian Keselamatan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni atau Pusat Kesihatan Universiti di talian berikut:

BILIK GERAKAN COVID-19 UMK

09-7717033

Beroperasi setiap hari dari 9.00 pagi hingga 9.00 malam

Bahagian Keselamatan

UMK Bachok : 09-7797376/ 09-7797480

Kampus Kota : 09-7717080/ 09-7717083

Kampus Jeli : 09-9477274/ 09-9477205

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

UMK Bachok, En. Nik Bazli Shah bin Nik Mat Kamil : 014-7948365

Kampus Kota, Pn. Tuan Noor Fadilla binti Tuan Seman : 09-7717043/ 019-5506985

Kampus Jeli, Pn. Noorafizah binti Mohd Noor : 017-9095709

Pusat Kesihatan Universiti

Dr. Aswan bin Ismail : 09-7717079

7. Pengurusan UMK mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua petugas kesihatan dan keselamatan, staf, pelajar dan semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam menghadapi krisis ini.
8. Pengurusan UMK juga menyeru agar warga UMK mendoakan keselamatan, perlindungan dan kesihatan semua dalam menghadapi wabak COVID-19 ini.
9. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 19 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


MAZULA BINI SABUDIN
Pendaftar

19 MAC 2020

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
 - Fail Edaran